From: AZLI BIN MOHD NOR (PKA) < >
Sent: Tuesday, 17 November, 2026 10:07 AM
To:
Cc:
Subject: Aktiviti Simulasi Pemulihan Bencana bagi Sistem eDCFZ

Tuan/Puan,

Perkara di atas dan perbincangan bersama pihak Puan pada 17/11/2026 dengan hormatnya dirujuk.

2. Pelaksanaan latihan Simulasi Pemulihan Bencana (Disaster Recovery) bagi Sistem eDCFZ akan dilaksanakan mengikut ketetapan berikut:

i. Konfigurasi Pertukaran daripada Pelayan (Server) Produksi ke Pelayan DRC

Tarikh: 18 November 2026 (Rabu)

Masa: 8.00 malam

ii. Konfigurasi Pertukaran daripada Pelayan DRC ke Pelayan Produksi

Tarikh: 19 November 2026 (Khamis)

Masa: 8.00 malam

3. Sehubungan dengan pelaksanaan ini juga, pohon pihak DNT untuk memaklumkan perkara ini kepada pengguna eDCFZ. Dipohon juga kerjasama daripada pihak pengguna sistem di Bahagian Zon Bebas dan Jabatan Dagangan Bahaya untuk turut terlibat sama bagi tujuan pengesahan ujian sistem semasa simulasi dijalankan.

4. Perhatian, kerjasama dan tindakan awal daripada pihak Tuan/Puan dalam menjayakan aktiviti simulasi ini amatlah dihargai.

Sekian untuk makluman.

Terima kasih.